

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PERBADANAN AIR MELAKA  
(PAM)

NAFSIAH BT AB. MANAP

JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2004

1100045517

CU 5262

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

Pengarang Nafsiah Bt. Ab. Manap	No. Panggilan LI 8 7PE 5004
Judul Latihan Industri di perbandaran air Melaka.	

Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

CIU: I 204

1100045517



LI 8 FPE 1 2004



1100045517

Laporan akhir latihan industri di Perbadanan Air Melaka (PAM)  
/ Nafsiah Ab. Manap.

**PERPUSTAKAAN**

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100045517		

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PERBADANAN AIR MELAKA  
(PAM)**

**OLEH:**

**NAFSIAH BT AB. MANAP  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2004**

1100045517

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **Nafsiah Binti Ab. Manap (UK 6997)** mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

### Tandatangan



---

**Nama :** Nafsiah Binti Ab. Manap

**Tarikh :** 14 OKTOBER '04

**Disahkan oleh :**



---

**Penyelia KUSTEM**

**B/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## Penghargaan

Bersyukur saya ke hadrat lllahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka dapat saya menyempurnakan laporan akhir Latihan Industri ini. Latihan Industri ini merupakan salah satu mata pelajaran wajib yang perlu diambil oleh setiap pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) sebagai syarat untuk bergraduati kelak. Dalam menjalani Latihan Industri selama 12 minggu, saya telah memilih Perbadanan Air Melaka sebagai tempat untuk menjalani latihan Industri dan saya telah ditempatkan di Jabatan Pengguna. Sepanjang menjalani Latihan Industri, saya telah memperolehi banyak pengalaman dan pengetahuan baru terutamanya di dalam bidang teknikal dan amat berbeza dengan jurusan yang sedang saya ceburi ini. Di sini, saya ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Perbadanan Air Melaka (PAM) kerana menerima permohonan saya untuk menjalani Latihan Industri di sana. Ucapan terima kasih juga kepada seluruh kakitangan Jabatan Pengguna terutamanya kepada Ir. Hj. Abd. Rahman bin Mohd. Said kerana telah banyak memberi saya tunjuk ajar dan kepercayaan untuk melaksanakan sesuatu tugas.

Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada Penyelia Industri saya iaitu Cik Nor Hayati bt Sa'at kerana banyak memberi panduan dan tunjuk ajar untuk menyiapkan laporan ini. Terima kasih juga kepada semua ahli keluarga yang banyak memberi galakan dan sokongan kepada saya selama ini. Jasa anda semua tetap akan saya kenang.

Sekian, terima kasih.

## Ringkasan Eksekutif

Latihan Industri merupakan satu teras program yang wajib diambil oleh setiap pelajar sebagai syarat untuk bergraduasi. Bagi pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial), kursus SOS 4299 ini wajib diambil sebanyak 6 jam kredit. Dalam penempatan lokasi Latihan Industri, pelatih telah ditempatkan di Perbadanan Air Melaka (PAM) selama 12 minggu yang bermula pada 22 Mac 2004 dan berakhir pada 12 Jun 2004. PAM merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Kerajaan Negeri Melaka dan satu-satunya organisasi yang menyediakan perkhidmatan bekalan air kepada seluruh penduduk di negeri Melaka. Di PAM, pelatih telah ditempatkan di Jabatan Pengguna iaitu sebuah jabatan yang berperanan menyelaras operasi sistem bekalan air di tiga daerah iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Sepanjang menjalani Latihan Industri ini, pelatih telah memperolehi banyak pengalaman baru yang nyata berbeza dengan alam pembelajaran. Pelatih telah dapat mengaplikasikan banyak teori yang telah dipelajari. Antaranya ialah Teori Pentadbiran Awam, Pengurusan dan Perniagaan, Statistik dan Analisis Data, Sosiologi Industri dan banyak lagi. Pelatih juga dapat menimba banyak pengetahuan baru seperti kerja-kerja penyelenggaraan di bahagian teknikal, membuat sesuatu keputusan secara rasional dan sebagainya. Oleh itu, pelatih berasa berbangga dan bertuah kerana dapat menjalani Latihan Industri di PAM. Pengalaman dan pengetahuan yang pelatih terima amat berguna sebagai persiapan untuk menempuh alam pekerjaan pada masa hadapan. Pelatih berharap agar PAM dapat berkembang maju lagi pada masa hadapan dan menjadi organisasi yang terulung di Melaka dan juga di Malaysia.